

Kementerian baru harus atasi cabaran sosial ekonomi bandar

KUALA LUMPUR - Kementerian baru yang bakal diwujudkan bagi menangani cabaran sosial ekonomi bandar perlu berfungsi dengan lebih menyeluruh daripada apa dilaksanakan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Ahli akademik dan pemimpin belia berpendapat objektif kementerian baru bagi menyediakan perumahan awam berkualiti kepada generasi muda di bandar-bandar akan menjadi lebih mudah dan tersusun jika kerajaan menggabungkan peranannya dengan kementerian itu.

Menurut mereka, menggantikan nama Wilayah Persekutuan dengan nama lain dalam kementerian baru itu sahaja sudah berupaya menggambarkan peranan menyeluruh kementerian itu kelak.

"Jika motif penubuhannya untuk mengupayakan generasi muda memiliki rumah di kawasan bandar, penukaran nama itu sahaja dengan sendirinya mampu memberi inspirasi kepada golongan muda bahawa kerajaan sentiasa mengambil berat kepentingan mereka di seluruh negara," kata Dr Amini Amir Abdullah dari

Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Mohamed Maliki Mohamed Rapiee pula berkata, jika diwujudkan, kementerian baru itu perlu melaksanakan fungsi dalam ruang lingkup lebih menyeluruh bagi mengelak penghijrahan golongan muda ke bandar besar.

Katanya, bagi membentuk keseimbangan pola masyarakat, pembinaan perumahan awam tidak boleh lagi hanya berpusat di bandar besar sebaliknya perlu dianjak sehingga ke pinggir bandar. - Bernama